

Mubarak Dan Veteran Umno Punya Peranan Bantu Kemenangan BN Dalam Pilihan Raya Umum
Bername
21 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) dan Veteran Umno mempunyai peranan penting dalam memastikan Barisan Nasional (BN) memperoleh kemenangan pada pilihan raya umum ke-13.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata mereka merupakan bekas wakil rakyat yang masih berpengaruh dan mempunyai pengalaman terutamanya dalam memberi ceramah kepada masyarakat.

"Justeru, kita telah mengatur supaya Mubarak dan Veteran Umno mendapat bimbingan dari segi penggunaan media sosial supaya anggota ini boleh berinteraksi dengan masyarakat melalui kemudahan seperti twitter, facebook, e-mel dan SMS.

"Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengadakan kursus bimbingan dan tidak kurang daripada 23 kursus telah dikenal pasti untuk dijalankan di pelbagai kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Dengan kemudahan ini, dasar kerajaan akan dapat disebar luas menerusi media baru ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Latihan Pengurusan dan Pembangunan Asas Media Baru kepada Mubarak dan Veteran Umno di sini, Isnin.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667538>